

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih "IKHLAS Equipment Comprehensive Perils Takaful". Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)

**TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD  
(Ahli PIDM)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**IKHLAS EQUIPMENT COMPREHENSIVE PERILS TAKAFUL**

Tarikh:

### 1) Apakah produk ini?

Produk ini melindungi Peralatan Bergerak yang tidak dilesenkan untuk kegunaan di jalan raya. Peralatan bergerak merujuk kepada kenderaan yang bergerak sendiri seperti forklift, mesin pengorek, kren bergerak, traktor dsb. Sijil Takaful ini juga sesuai untuk peralatan berat statik yang direka untuk dikendalikan di luar atau di dalam sesebuah premis.

### 2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko Peserta.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

**Nota:** Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

### 3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Sijil Takaful ini melindungi kerugian atau kerosakan peralatan, alat tambahan dan alat gantinya yang standard atas sebab:

- (a) Berlanggar atau terbalik akibat kemalangan atau berlanggar atau terbalik akibat gangguan mekanikal.
- (b) Kebakaran, letupan luaran, nyalaan dengan sendiri atau kilat
- (c) Pecah masuk, rompakan atau kecurian

**Nota:** Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat dan terma-terma spesifik yang berkaitan dengan manfaat yang dinyatakan di atas.

Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun. Dengan itu, anda dikehendaki membaharu Sijil Takaful anda setiap tahun.

### 4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderitan pihak Syarikat dan Amaun Perlindungan harta tersebut.

- |  |                         |
|--|-------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Amaun Perlindungan</li> <li>○ Kadar yang dikenakan</li> </ul> | : RM _____<br>: _____ % |
|--|-------------------------|

Anggaran jumlah Sumbangan Takaful yang dikenakan : RM \_\_\_\_\_

**5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful:-

- Cukai yang digunakan pada kadar semasa yang dikenakan
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful:-

- Yuran Wakalah -
  - ✓ Komisen : 15% dari Sumbangan Takaful
  - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 15% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

**6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?**

**Kewajipan Pendedahan**

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatian kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

**Waranti Sumbangan Takaful**

- Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful ini akan terbatal secara otomatik dan pihak Syarikat memiliki hak terhadap Sumbangan Takaful pro-rata bagi tempoh dimana Syarikat menyediakan perlindungan.

**Jumlah untuk Dilindungi**

- Anda harus memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahaan yang dilakukan pada harta tersebut.
- Anda boleh melindungi harta anda berdasarkan dasar Nilai Pasaran atau nilai pengembalian semula:
  - a) Dasar Nilai Pasaran – pihak kami akan membayar kos pemberian ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak jumlah Susut Nilai atau Haus dan Lusuh.
  - b) Dasar nilai pengembalian semula – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pemberian harta yang rosak tanpa menolak Susut Nilai atau Haus dan Lusuh, dengan syarat Amaun Perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut
- Sekiranya jumlah yang dilindungi ke atas harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap untuk bertanggungjawab terhadap perbezaannya dan hendaklah menanggung perkadarannya setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya.
- Ekses, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk Peril tertentu, seperti tuntutan terhadap tangki air yang melimpah, angin ribut, gempa bumi dan banjir.

**Lebihan**

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
- Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

**7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?**

Sijil Takaful ini tidak melindungi:

- a) jumlah pertama setiap kerugian yang dinyatakan sebagai Ekses di dalam Jadual;
- b) kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh percubaan atau muatan yang berlebihan dari mana-mana Harta atau mana-mana eksperimen yang melibatkan keadaan yang tidak normal;
- c) haus dan lusuh, hakisan atau kemerosotan yang disebabkan oleh keadaan atmosfera atau sebaliknya atau calar di atas permukaan bercat atau bergilap;
- d) kehilangan penggunaan mana-mana harta akibat susutnilai, kerugian turutan atau kerosakan akibat dari liabiliti undang-undang;
- e) kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada tindakan sengaja atau kecuaian yang Peserta Takaful;
- f) apa-apa kekurangan yang ditemui oleh inventori tidak dilindungi kecuali kekurangan itu dapat membuktikan yang ia telah disebabkan oleh kecurian atau sebarang percubaan ke arah itu;
- g) kerugian yang disebabkan dari pekerja Peserta Takaful yang tidak setia atau terhadap orang yang diamanahkan dengan harta Peserta Takaful;
- h) apa-apa kerugian, kemasuhan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear;
- i) Sebarang kerugian atau kerosakan ke atas Harta yang Dilindungi yang disebabkan oleh pelanggaran mana-mana Undang-undang Sivil atau Syariah

**Nota:** *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

**8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

**9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.



**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai *IKHLAS Equipment Comprehensive Perils Takaful*, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas General Berhad**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati?**

- *IKHLAS Comprehensive Perils Takaful*

**Notis Perlindungan PIDM**

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

*Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/05/2024*